



SIARAN MEDIA

Media Release

INDEKS HARGA PENGGUNA

Consumer Price Index

(Jan 2015=100)

OKTOBER 2023

OCTOBER 2023



INDEKS HARGA PENGGUNA

OKTOBER 2023

Tahun-ke-Tahun

Okt 23
Okt 22

0.1%

Bulan-ke-Bulan

Okt 23
Sep 23

0.1%

Tahun-ke-Tahun



Bulan-ke-Bulan



Tahun Asas (Jan 2015=100)



Bakul barangan dan perkhidmatan IHP yang bernilai **BND100.00** pada bulan **Januari 2015** kini bernilai **BND106.80** pada bulan **Oktober 2023**

Penyumbang Utama Tahun-ke-Tahun

Makanan dan Minuman Ringan **▲ 2.1%**

Minuman Ringan



Makanan



Bukan Makanan **▼ 0.5%**

Pengangkutan



Perhubungan



Nota

- IHP mengukur perubahan harga purata bakul barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh isirumah pada tempoh yang tertentu.
- Perubahan bulan-ke-bulan bermaksud perbandingan harga dengan bulan sebelumnya.
- Perubahan tahun-ke-tahun bermaksud perbandingan harga dengan tahun sebelumnya.



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**INDEKS HARGA PENGGUNA
OKTOBER 2023
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TAJUK UTAMA:

INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP) TAHUN-KE-TAHUN MENUNJUKKAN SEDIKIT PENINGKATAN SEBANYAK 0.1 PERATUS BAGI BULAN OKTOBER 2023

1. Bagi bulan Oktober 2023, Indeks Harga Pengguna (IHP) tahun-ke-tahun menunjukkan sedikit peningkatan sebanyak 0.1 peratus berbanding bulan Oktober 2022, didorong oleh peningkatan bagi harga Makanan dan Minuman Ringan sebanyak 2.1 peratus. Manakala, harga Bukan Makanan pula menunjukkan penurunan sebanyak 0.5 peratus.
2. Peningkatan tahun-ke-tahun bagi harga Makanan dan Minuman Ringan adalah disebabkan oleh peningkatan harga Minuman Ringan (11.4 peratus), khususnya minuman rendah gula yang sedia untuk diminum; Sayur-Sayuran (4.4 peratus), berikutan kenaikan harga halia dan bawang disebabkan oleh bekalan yang terhad daripada negara pembekal; dan Beras dan Bijirin (2.9 peratus), disebabkan oleh harga bahan-bahan mentah yang terus meningkat terutamanya tepung gandum.
3. Manakala, harga Bukan Makanan menunjukkan penurunan disebabkan oleh harga Pengangkutan (3.1 peratus) iaitu harga kenderaan bermotor dan harga tiket penerbangan; Perhubungan (3.1 peratus), khususnya harga perkhidmatan telefon dan telefaks selaras dengan tawaran promosi bagi pelan perkhidmatan internet sejak bulan September 2023; dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas, dan Bahan Api Lain (0.1 peratus), disebabkan oleh penurunan kos penyewaan kediaman.
4. Bagi perubahan bulan-ke-bulan, IHP juga menunjukkan peningkatan sebanyak 0.1 peratus, didorong oleh peningkatan bagi harga Makanan dan Minuman Ringan; dan harga Bukan Makanan masing-masing sebanyak 0.4 peratus dan 0.02 peratus.
5. Peningkatan bulan-ke-bulan bagi harga Makanan dan Minuman Ringan adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga Sayur-Sayuran (3.2 peratus); Minuman Ringan (0.5 peratus); dan Beras dan Bijirin (0.3 peratus). Manakala, peningkatan bagi harga Bukan Makanan adalah disumbang oleh Pengangkutan (0.6 peratus); Rekreasi dan Kebudayaan (0.2 peratus); dan Perhiasan, Perkakasan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah (0.1 peratus).
6. IHP mengukur perubahan harga bakul barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Oktober 2023 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui <https://deps.mofe.gov.bn>.



Website: deps.mofe.gov.bn
 Email: info.statistics@jpes.gov.bn
 Instagram: [@statistics.jpes](https://www.instagram.com/statistics.jpes)



جباتن فرانچن ايكونومي دان ستاتيستيك
 DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
 MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
 BRUNEI DARUSSALAM

CONSUMER PRICE INDEX

OCTOBER 2023

Year-on-Year

Oct 23
Oct 22

▲ 0.1%

Month-on-Month

Oct 23
Sep 23

▲ 0.1%

Year-on-Year



Month-on-Month



Base Year (Jan 2015=100)



The same CPI basket of goods and services worth **BND100.00** in **January 2015** is now worth **BND106.80** in **October 2023**

Main Contributors Year-on-Year

Food and Non-Alcoholic Beverages **▲ 2.1%**

Non-Alcoholic Beverages



Food



Non-Food **▼ 0.5%**

Transport



Communication



Notes

- CPI measures the average change of prices of a fixed basket of goods and services paid by households in a certain period of time.
- Month-on-month means to compare prices with the previous month.
- Year-on-year means to compare prices with the same month in the previous year.



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

CONSUMER PRICE INDEX
OCTOBER 2023
BRUNEI DARUSSALAM

MAIN HEADLINE:

CONSUMER PRICE INDEX (CPI) RECORDED A SLIGHT INCREASE OF 0.1 PER CENT YEAR-ON-YEAR IN OCTOBER 2023

1. *In October 2023, the Consumer Price Index (CPI) recorded a slight increase of 0.1 per cent year-on-year, contributing to a 2.1 per cent increase in the prices of Food and Non-Alcoholic Beverages. Meanwhile, Non-Food prices registered a decrease of 0.5 per cent.*
2. *The year-on-year increase in Food and Non-Alcoholic Beverages prices was due to a rise in the prices of Non-Alcoholic Beverages (11.4 per cent), particularly ready-to-consume low-sugar drinks; Vegetables (4.4 per cent), following an increase in ginger and onions prices due to limited supply from producing countries; and Rice and Cereals (2.9 per cent), caused by a continuous increase in raw materials prices mainly wheat flour.*
3. *Non-Food prices registered a decrease due to a fall in prices of Transport (3.1 per cent) mainly motor vehicle and airfares; Communication (3.1 per cent), particularly telephone and telefax services prices, in line with the promotional offer for internet services since September 2023; and Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels (0.1 per cent), caused by a fall in the cost of housing rentals.*
4. *For month-on-month changes, the CPI also showed an increase of 0.1 per cent, which contributed to an increase in both Food and Non-Alcoholic Beverages; and Non-Food prices by 0.4 per cent and 0.02 per cent respectively.*
5. *The month-on-month increase in Food and Non-Alcoholic Beverages prices was mainly contributed by the rise in the prices of Vegetables (3.2 per cent); Non-Alcoholic Beverages (0.5 per cent); and Rice and Cereals (0.3 per cent). Meanwhile, an increase in Non-Food prices was attributed by Transport (0.6 per cent); Recreation and Culture (0.2 per cent); and Furnishings, Household Equipment and Routine Household Maintenance (0.1 per cent).*
6. *The CPI is a measure of price changes of basket of goods and services paid by the consumer in a specified period and compiled on a monthly basis. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey (HES). The CPI full report for October 2023 is available from the DEPS website at <https://deps.mofe.gov.bn>.*